

14/09/2003

Hanya 52.2 peratus dapat kerja

SINTOK: Hanya 52.2 peratus daripada 2,250 graduan Universiti Utara Malaysia (UUM) berjaya mendapat pekerjaan, kata Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Ahmad Fawzi Mohd Basri.

Beliau berkata, hasil penyelidikan awal baru-baru ini juga mendapati, sebanyak 52.4 peratus graduan lelaki mendapat kerja manakala 52.3 peratus lagi wanita.

"Graduan Melayu yang bekerja berjumlah 46.8 peratus berbanding 53.2 peratus yang belum bekerja.

"Graduan berketurunan Cina sebanyak 64.3 peratus yang bekerja dan hanya 35.7 peratus yang tidak bekerja manakala graduan India pula, 45.8 peratus bekerja dan 54.2 peratus tidak bekerja," katanya pada Majlis Konvokesyen ke 16 UUM di Dewan Muadzam Shah di sini, semalam.

Beliau berkata, daripada penyelidikan awal itu juga menunjukkan graduan Program Pengurusan Perniagaan paling tinggi mendapat pekerjaan dengan 21.1 peratus, diikuti Pengurusan Awam (13.8 peratus), Perakaunan (11.6 peratus) dan Ekonomi (8.4 peratus).

"Daripada responden yang mendapat Ijazah Kelas Pertama, 13 orang atau 92.9 peratus sudah bekerja, graduan Kelas Kedua Atas (58.6 peratus) dan Kelas Dua Bawah (45.8 peratus)," katanya.

Bagaimanapun, Ahmad Fawzi berkata, penyelidikan itu masih pada peringkat awal dan keputusan penyelidikan itu akan diserahkan kepada kerajaan untuk menunjukkan prestasi graduan UUM di pasaran kerjaya.

Ahmad Fawzi berkata, pihaknya menubuhkan jawatankuasa yang diketuai Pengerusi Lembaga Pengarah UUM, Tan Sri Khalid Ibrahim untuk mengkaji dan menganalisis graduan yang tidak bekerja.

"Saya memohon kerjasama graduan yang belum bekerja menghubungi Jabatan Hal Ehwal Akademik UUM bagi membolehkan kami memperoleh beberapa maklumat yang dapat membantu mereka," katanya.

Selain itu, katanya, UUM juga telah mengemukakan cadangan menawarkan enam program akademik baru kepada Kementerian Pendidikan.

Program itu ialah Sarjana Muda Alam Sekitar, Sarjana Muda Risiko dan Insurans, Sarjana Muda Kewangan dan Perbankan Islam, Sarjana Muda Pengurusan Islam, Sarjana Muda Pengurusan Hospitaliti dan Sarjana Psikologi Kaunseling.

Sementara itu, UUM akan mengadakan Konvokesyen Komemoratif bagi menganugerahkan Ijazah Doktor Kehormat kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 16 Februari tahun depan sempena Sambutan 20 Tahun UUM.

Beliau berkata, anugerah khas itu bagi mengenang jasa Perdana Menteri yang bertanggungjawab melahirkan UUM.